

Practice of *Syarah Al-Hadith* Methods In Hadiths Classes Over Mosque Institutions In Muallim District of Perak

Amalan Penggunaan Metode *Syarah Al-Hadith* Dalam Pengajian Hadith Di Institusi Masjid Di Daerah Muallim Negeri Perak

Wahyu Hidayat Abdullah*, Mohd Marzuqi Abdul Rahim, Abd Hadi Borham

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, 35900 Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak

*Corresponding author: wahyu@fsk.upsi.edu.my

Article history: Received: 3 May 2018 Received in revised form: 24 July 2018 Accepted: 20 August 2018 Published online: 28 November 2018

Abstract

Hadeeth studies is one of the important series studies in formal or informal courses of study in mosques. Some of the popular hadeeth works in this field that have been written either in Arabic or in Malay have been identified and used by most teachers in the peninsular, such as the work of *Hadeeth, 40 Imam al-Nawawi, Riyadh al-Salihin, Mastika Hadith, Tajzib al-Atraf li al-Hadith, Bustanul Arifin, Hadith 40 Penawar Hati* and so on. In delivering a study conducted, the form or method of deciphering the hadith study known as *ilm syarah al-hadith* should be followed by instructors in this study. This is because, some of the most important hadeeth rules have been compiled by ulama' hadeeths in fact able to complete the studies of hadeeths. As a result, this paper will clarify the importance of knowledge of syarah al-hadith in understading hadith by Prophet Muhammad SAW. Among other objectives, it is also to analyze some of the methods of hadeeth lectures applied by the instructors, especially in the study of hadeeth conducted around the Daerah Muallim in the state of Perak Darul Ridzuan. This study also reveals the strengths and weaknesses of the hadeeth methodology used by some instructors in this field.

Keywords: *Syarah al-Hadith*; Work of Hadeeth, Mosque Institution; Muallim District; State of Perak Darul Ridzuan

Abstrak

Pengajian hadith merupakan salah satu siri pengajian penting dalam siri pengajian keagamaan sama ada formal mahupun tidak formal dijalankan di institusi masjid di tanah air. Beberapa karya-karya hadith masyhur dalam bidang ini yang telah ditulis dalam bahasa Arab ataupun dalam bahasa Melayu telah dijadikan sumber rujukan utama oleh sebahagian besar para tenaga pengajar di semenanjung tanah air, antaranya seperti karya *Hadith 40 Imam al-Nawawi, Riyadh al-Salihin, Mastika Hadith, Tajzib al-Atraf li al-Hadith, Bustanul Arifin, Hadith 40 Penawar Hati* dan sebagainya. Dalam menyampaikan pengajian yang dijalankan, bentuk atau kaedah menghuraikan hadith yang dikenali sebagai *syarah al-hadith* sewajarnya digunakan oleh tenaga pengajar dalam pengajian ini bagi memberi kefahaman yang mendalam terhadap pengajian hadith yang dipelajari. Ini kerana, beberapa kaedah syarah hadith penting telah disusun oleh ulama' hadith sebenarnya mampu menyempurnakan pengajian hadith. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan menjelaskan kepentingan ilmu syarah al-hadith dalam memahami hadith nabi SAW. Antara objektif lain dalam kajian ini juga ialah menganalisis sebahagian kaedah syarah hadith yang diaplikasikan oleh tenaga pengajar khususnya dalam pengajian hadith yang dijalankan di sekitar daerah Muallim di negeri Perak Darul Ridzuan. Kajian ini sekaligus mendedahkan kekuatan dan kelemahan yang terdapat kaedah syarah hadith yang telah digunakan oleh beberapa tenaga pengajar dalam bidang tersebut yang terlibat di daerah Muallim Tanjung Malim, Negeri Perak.

Kata kunci: *Syarah al-Hadith*; Karya Hadis; Institusi Masjid; Daerah Muallim; Negeri Perak Darul Ridzuan

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Ilmu *Syarah al-Hadith* merupakan salah satu bidang dalam disiplin memahami hadith Rasulullah SAW. Ia merupakan sebuah ilmu yang membincangkan kaedah-kaedah dalam menghuraikan sesebuah hadith dari pelbagai aspek untuk difahami dengan lebih mendalam. Ia juga turut dikenali dengan beberapa nama lain antaranya *'Ilm al-Ma'ani al-Hadith, Tafsir al-Hadith* dan juga *'Ilm Fiqh al-Hadith*. Perkembangan ilmu *Syarah al-Hadith* turut menerima pelbagai definisi antaranya, (Tash Kubra Zadah, 1985) telah mendefinisikan ia sebagai ilmu yang mengkaji tentang kehendak nabi SAW daripada hadith-hadithnya mengikut kaedah yang terkandung dalam bahasa Arab dan kaedah-kaedah dalam usul syariah yang bersesuaian dengan tahap kemampuan umat Islam untuk memahaminya. Namun definisi yang dinyatakan beliau masih dilihat mempunyai kepincangan dan mendapat kritikan golongan cendekiawan selepasnya. Kekurangan yang jelas

dikenalpasti dalam teori yang diketengahkan oleh beliau khususnya ketiadaan sentuhan dari aspek sanad hadith yang merupakan satu elemen penting. Manakala seorang lagi tokoh cendekiawan iaitu (Haji Kalifah, t.th) dalam karya agung beliau iaitu *Kashf al-Zunun* telah mendefinisikan ilmu ini ringkas dengan menyatakan ianya merupakan salah satu ilmu *furu'* (pecahan) dalam ilmu-ilmu hadith. Justeru, secara tidak langsung, ia menunjukkan keluasan dalam bidang hadith yang tersendiri.

Sebelum menjelaskan definisi kepada ilmu ini, kenyataan-kenyataan ulama' hadith terdahulu memperlihatkan teori ilmu syarah hadith merupakan ilmu yang amat penting. Ini kerana ia telahpun menjadi salah satu ilmu yang terawal yang memainkan peranan penting dalam perkembangan agama Islam. Sebagai contoh, menurut Sufian al-Thawri (m:161H): "...*tafsir al-hadith (syarah al-hadith) merupakan sebaik-baik ilmu yang didengari*" (al-Sam'ani: 1981). Begitu juga Ali al-Harsham (m: 257H): "...*telah menceritakan kami berada dalam majlis ilmu Sufyan 'Uyainah, lantas beliau berkata: wahai ahli hadith, pelajarilah kamu fiqh al-hadith (syarah hadith), sehingga tidak membangga (tidak mampu menolak hujah) ke atas kamu golongan ashab al-ra'yi*" (al-Sam'ani, 1401H). Menurut Ali al-Madini (m: 232H) yang juga menyatakan kelebihan dan manfaat yang luas dalam ilmu syarah hadith. Menurut Ali al-Madini: "...*syarah hadith merupakan ilmu yang mendalami pada ma'ani al-hadith merupakan sebahagian dari ilmu (ilmu hadith) dan ma'rifah al-rijal juga adalah sebahagian dari ilmu (ilmu hadith)...*" (al-Dhahabi, 1985).

Melalui kenyataan-kenyataan di atas, (Bayanuni, 2007) membuat kesimpulan mengenai definisi ilmu syarah hadith yang dinyatakan oleh para ulama hadith terdahulu, yang mana ilmu Syarah al-Hadith ini telah menerima definisi baharu daripada cendekiawan hadith semasa, kesemuanya turut merangkumi perbincangan kesemua ilmu-ilmu tradisi dalam hadith ataupun semasa. (Bassam al-Safdi, 2015) telah merumuskan ilmu syarah hadith adalah satu ilmu pengetahuan berkaitan dengan masalah dan usul berkaitan dengan syarah hadith samada dari aspek dhabit dan asalnya, perincian manhaj, kaedah, sebab-sebab kesalahan pada hadith dan kaitannya dengan ilmu-ilmu syariah dan ilmu-ilmu hadith secara khusus. Justeru dapat dirumuskan bahawa definisi ilmu *syarah al-hadith* merupakan salah satu ilmu huraian dan kupasan hadith, telah memainkan peranan yang penting dalam memertabatkan hadith nabi SAW sebagai sumber penting dalam mengistinbat sesuatu hukum dalam syariat agama. Dapat disimpulkan daripada definisi yang diketengahkan oleh (al-Bayanuni, 1985) dan (Bassam, 2015), antara elemen penting dalam huraian syarah hadith yang disusun oleh ulama, antaranya:

- Perbincangan sanad dan perawi-perawi bagi hadith. Perbincangan ini meliputi Dirasah al-Asanid seperti, ilmu Jarh wa Ta'dil, Tarikh al-Ruwah;
- Penerangan kepada *mubham al-hadith*, dan mengetahui *ilal hadith* yang berkaitan permasalahan dalam sanad hadith;
- Takhrij al-hadith;
- Penerangan hukum bagi darjat dan kedudukan hadith;
- *I'rab* bagi lafaz hadith dan huraian perkataan yang ganjil dan jarang ditemui;
- Penerangan tentang aspek *mukhtalif hadith*, *musykil hadith*, *nasikh* dan *mansukh* dalam hadith serta *asbab wurud* bagi hadith;
- Kefahaman dengan huraian mengenai sesebuah hadith (*Fiqh al-Hadith*);
- Perbincangan mengenai hukum-hakam.

■ 2.0 LATARBELAKANG KAJIAN

Pengajian hadith di negara ini telah dijalankan dalam pelbagai institusi yang terdiri daripada institusi formal dan tidak formal. Institusi formal yang merujuk kepada badan atau organisasi seperti sekolah, universiti, maktab dan sebagainya, dijalankan dengan mengikut sistem pengajian yang tersusun dan telah diterima serta ditetapkan. Manakala institusi tidak formal membawa maksud institusi yang memiliki sistem pengajian yang berbeza daripada institusi formal. Menurut (Mohammad Faidz Mohd Fadzil etl. 2014). Bagi institusi tidak formal pula melibatkan pengajian hadith yang dijalankan di masjid dan surau, madrasah, sekolah pondok dan organisasi atau pertubuhan. Masjid dan surau merupakan institusi utama yang menyampaikan pengajian hadith secara tidak formal dengan pengajian yang dijalankan menggunakan kaedah pengajian berkitab.

■ 3.0 KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU

Pengajian hadith turut merupakan salah satu mata pelajaran yang dimuatkan dalam sukatan pengajian di institusi masjid dan surau yang telah memainkan peranan yang penting dalam penyebaran agama Islam. Tinjauan awal di masjid-masjid dan surau mendapati bahawa pengajaran hadith yang dilakukan adalah berdasarkan penggunaan kitab-kitab popular dalam pengajian hadith, iaitu *Hadith 40* dan *Riyadh al-Salihin* karangan Imam al-Nawawi, *Bulugh al-Maram* oleh Ibn Hajar dan *Mastika Hadith* yang telah diterbitkan oleh Pusat Islam Jabatan Perdana Menteri (Muhammad Faidz, Fauzi Deraman, 2014). Kesemua kitab-kitab ini merupakan kitab yang menyenaraikan hadith-hadith yang sarat dengan kefahaman beragama. Kepelbagaian bentuk susunan dalam kitab-kitab hadith yang dinyatakan ini merangkumi bentuk hadith analitik (*hadith al-Tahlili*) dan hadith tematik (*hadith al-Mawdu'i*).

Pun begitu, pengajian hadith yang dijalankan dilihat sedikit berbeza dari aspek bentuk huraian dalam sesi pengajaran dan pembelajaran seperti mana mata pelajaran lain seperti pengajian fikah, akidah dan al-Quran. Sebagai contoh menurut (Abdul Halid, 2010), silibus mata pelajaran seperti fikah adalah lebih terkehadapan jika berbanding dengan pengajian hadith. Bahkan sukatan pengajian fikah disusun dan diselia dengan lebih baik. Manakala susunan sukatan pengajian hadith berdasarkan sukatan pengajian takmir masjid dan surau yang disediakan oleh JAKIM hanya menumpukan kepada sebuah kitab sahaja iaitu *Riyadh al-Salihin* karangan Imam al-Nawawi.

Manakala kajian terhadap pengajaran seperti yang dilakukan oleh (Muhammad Fairuz, 2016), menjelaskan tenaga pengajar menggunakan teknik satu hala sahaja dalam pengajian hadith, iaitu tenaga pengajar membacakan satu hadith dari kitab-kitab tersebut kemudian memberi penjelasan terhadap makna hadith. Menurutnya, jika terdapat pandangan ulama terhadap pemahaman hadith, maka ia dibacakan dan diberi penjelasan lebih lanjut kepada audien. Dari segi pemilihan topik pula, pengajaran hanya mengikut apa yang disusun oleh pengarang kitab dan ada juga yang mengajar mengikut topik semasa dan terdapat juga tenaga pengajar yang membaca hadith menurut topik-topik yang dirasakan sesuai untuk orang awam.

Tanpa satu bentuk pengajaran yang berkesan dalam pengajaran hadith, permasalahan penerimaan oleh jemaah yang mengikuti pengajian turut dikenalpasti, kajian yang dilakukan oleh (Selamat Amir, 2011) telah mengenal pasti permasalahan dalam pengajian hadith di institusi masjid antaranya, segelintir masyarakat masih memandang pengajian ilmu hadith sebagai satu pengajian yang tidak penting. Ini disebabkan kurangnya penerangan yang tidak jelas dan tepat berkenaan kedudukan sebenar hadith dalam Islam. Ini menunjukkan kelemahan pengajaran hadith yang dilaksanakan mempunyai permasalahan dari aspek struktur dan bentuk pengajaran dan pembelajaran.

■4.0 LIMITASI KAJIAN

Institusi masjid merupakan skop utama dalam kajian ini, manakala institusi lain yang menawarkan pengajian hadith seperti permis pengajian swasta, surau dan sebagainya tidak menjadi sebagai skop kajian. Daerah Muallim di negeri Perak dipilih dalam kajian ini kerana ia merupakan antara daerah baharu yang diwujudkan sebagai pecahan kepada daerah yang lama iaitu daerah Batang Padang. Sebanyak (5) lima pengajian hadith dipilih mewakili lima buah masjid yang menjalankan pengajian hadith setiap bulan. Pemilihan masjid yang mempunyai pengajian hadith ini pula adalah mewakili zon-zon tertentu, yang terdapat di daerah al-Muallim. Antara masjid yang terlibat ialah Masjid al-Syakirin Universiti Pendidikan Sultan Idris, Masjid Behrang 2020, Masjid Daerah Slim River, Masjid Daerah Tanjong Malim dan Masjid Kampung Kelawar. Kajian ini telah dilakukan bagi sepanjang tahun 2017.

■5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kajian tinjauan dan lapangan. Ia menggunakan (2) dua instrumen untuk mengumpul data di lapangan sebenar. Instrumen yang digunakan adalah dengan kaedah temubual dan kaedah pemerhatian. Dalam instrumen temubual, pengkaji akan melakukan temu bual kepada beberapa tenaga pengajar yang dikategorikan sebagai informan, yang dipilih berdasarkan kaedah purposive dan relevan. Temu bual ini bertujuan mengetahui dengan lebih terperinci berkaitan kaedah-kaedah yang telah digunakan oleh informan di dalam pengajian hadith. Manakala, soalan yang diajukan kepada responden adalah kaedah-kaedah asas dalam ilmu syarah hadith yang sepatutnya digunakan di dalam pengajian hadith yang dijalankan. Ia turut mengenal pasti sumber-sumber kitab yang dijadikan bahan pengajian yang dijalankan. Manakala dalam kaedah tinjauan pula, penyelidik telah menghadiri sesi pengajian-pengajian hadith yang dijalankan oleh ke semua tenaga pengajar (informan) yang dipilih bagi meningkatkan lagi kesahan dan kredibiliti data supaya selari dengan realiti. Kaedah pemerhatian merujuk kepada cara mengumpul data tanpa melibatkan komunikasi secara langsung dengan responden. Melalui kaedah ini, responden diperhatikan dalam persekitaran yang sedia ada dan kemudiannya aktiviti atau tingkah laku mereka direkodkan. Sebanyak (5) lima tenaga pengajar (informan) dipilih secara rawak mewakili masjid-masjid yang mempunyai pengajian hadith di sekitar Daerah Muallim.

■6.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

6.1 Analisis Penggunaan Syarah Al-Hadith Dalam Pengajian Hadith Di Institusi Masjid Di Daerah Muallim Negeri Perak

Seperti mana yang telah dinyatakan, perbincangan di bawah ini merupakan laporan dari hasil temu bual dan tinjauan penyelidik secara konsisten terhadap tenaga pengajar yang dikategori sebagai informan. Dalam kajian ini informan yang dipilih adalah mewakili pengajian hadith di institusi masjid-masjid terpilih yang mewakili masjid-masjid di daerah al-Muallim, Negeri Perak Darul Ridzuan. Secara umumnya dapat dibahagikan dalam analisis ini, kepada kaedah syarah hadith secara asas iaitu dari aspek sanad dan aspek matan hadith.

Dalam kaedah syarah hadith yang dilakukan kepada sanad, kajian telah membahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu yang pertama, syarah keseluruhan sanad yang terdapat dalam hadith. Yang kedua, syarah perawi al-A'la sahaja dan yang ketiga ialah huraian *ilal* (kecacatan) terhadap perawi dalam hadith sekiranya terdapat perbincangan dalam sanad hadith tersebut. Manakala dalam syarah kepada matan hadith pula, kajian dapat membahagikan kepada (4) empat bahagian, iaitu huraian dari aspek penggunaan bahasa, huraian lafaz istilah yang terdapat dalam matan hadith, huraian terhadap hukum dan kaedah syarah terhadap sumber. Berikut adalah perbincangan secara terperinci;

6.1.1 Analisa Bentuk Metode Syarah Al-Hadith Dari Aspek Sanad

Sanad merupakan salah satu aspek yang diberi perhatian yang sangat penting dalam menghuraikan sesebuah hadith. Sanad merupakan rantaian perawi yang menghubungkan kepada matan. Sanad juga merupakan bentuk senarai rantaian individu perawi yang merangkumi generasi perawi terkini hingga kembali kepada nabi Muhammad SAW (Sakinah Saptu, Wan Nashrudin, Latif Abd Majid, Ahmad Asmadi Sakat, 2015). Antara peranan sanad memindahkan hadith dari seorang individu (perawi hadith) kepada individu yang lain. Selain itu, ia juga berperanan menilai kredibiliti para perawi hadith sehingga sampai kepada individu pertama yang membincangkannya (Sakinah, Wan Nashrudin, etl. 2015). Peranan tersebut menggambarkan kepentingan sanad dalam periwayatan hadith. Dengan adanya rantaian perawi tersebut ulama dapat menilai status seseorang perawi samada ianya mempunyai status yang boleh diterima atau ditolak periwayatannya.

i. Analisa Metode Syarah al-Hadith Terhadap Sanad

Huraian sanad dalam pengajian-pengajian hadith yang dijalankan kebanyakan hanya tertumpu kepada perawi hadith utama selepas nabi SAW iaitu para sahabat RA. Dalam huraian sanad secara terperinci setiap nama sanad akan dijelaskan bermula perawi *al-A'la* hinggalah perawi yang terakhir. Dalam tinjauan yang telah dijalankan terhadap (5) informan bagi metode syarah sanad hadith ini, kajian mendapati hanya seorang informan yang menggunakan metode ini secara terperinci berbanding informan-informan yang lain. Manakala selainnya

tidak menggunakan metode ini secara terperinci. Walau bagaimanapun melalui sesi temu bual yang telah dijalankan terhadap kesemua informan, mereka amat bersetuju penggunaan metode syarah atau huraian terhadap sanad khususnya perawi hadith merupakan salah satu elemen penting dalam syarah hadith. Antara tiga (3) maklum balas yang disenarai di sini ialah seperti berikut:

Informan (1): “...syarah hadith pada perawi al-A’la penting, kot manapun dialah menjadikan hadith yang kita bawa relevan, masyarakat kena tau juga perawi al-A’la ni baru ilmu hadith dia bertambah sikit demi sedikit...”.

Informan (2): “perawi hadith ni banyak... ada yang penting untuk kita jelaskan tapi macam biasalah yang penting sahaja kita kena tengok... biasanya perawi al-A’la dah mencukupi...”.

Informan (3): “...lihat kepada kepentingan majlis ilmu tersebut. Kalau kita bentang kepada masyarakat ilmu tersebut mungkin sampai, tapi kemungkinan tidak sampai... ini disebabkan bukan semua yang datang mempunyai ilmu hadith, bahkan ilmu agama pun mungkin sangat cetek...”

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, menunjukkan secara keseluruhan informan bersetuju sanad hadith penting dalam proses pengajian hadith, namun kurang bersetuju memperincikan sanad secara penuh di dalam sesi pengajian yang dijalankan. Ini kerana syarah atau huraian terhadap sanad hadith secara keseluruhan bukanlah menjadi objektif utama dalam pengajian hadith yang dijalankan.

ii. Analisa Metode Syarah al-Hadith Terhadap Perawi al-A’la

Bagi mengukuhkan lagi bentuk syarah atau huraian dalam sanad hadith, kajian ini turut melihat kaedah syarah sanad yang terfokus kepada perawi al-A’la. Dengan menggunakan kaedah tinjauan, kajian mendapati metode tertentu dalam amalan syarah hadith khusus dalam aspek sanad adalah tertumpu kepada huraian perawi al-A’la. Dalam tinjauan yang dilakukan terhadap (5) informan mendapati empat (4) informan telah menghuraikan dan mensyarahkan perawi al-A’la yang terdalam dalam teks hadith yang dibincangkan. Manakala seorang lagi informan dikenalpasti tidak menyentuh syarah kepada perawi al-A’la. Ini dikukuhkan dengan sesi temu bual yang dijalankan terhadap kesemua informan.

Informan (1): “...seperti yang saya katakan tadi, kalau perawi hadith memainkan peranan dalam hadith tersebut, perawi al-a’la adalah perkara paling basic (asas) kita kena kenal... sebab depa ni adalah sahabat nabi RA yang dengar daripada telinga sendiri dari nabi, so kita kena kenali mereka dalam semua aspek...”

Informan (2): “...pertamanya hadith yang saya baca tu saya akan huraikan dulu nama sahabat, siapa dia kemudian biografi dia, apa kelebihan yang dia ada, bila dia masuk Islam, bila dia wafat...”

Informan (4): “...sahabat, tabiin... inilah waktu kita boleh cerita pada masyarakat... mereka di akhlak, sifat peribadi tinggi... kita kena ceritakan...kisah mereka...”

Informan (5): “...Anta kena faham, tujuan pengajaran ialah memberi kefahaman, jadi ana kena berikan kefahaman, perawi al-a’la ni pun penting walaupun kadang-kadang nama yang sama macam Abu Hurairah, tapi kita boleh bawa kisah-kisah dia, dan kehidupan dia...kalau dah selalu boleh la kita skip (percepatkan)...”.

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan terhadap kelima-lima informan juga, mengesahkan setiap informan mengenengahkan kisah perawi al-A’la yang merupakan sahabat Rasulullah SAW dalam sesi pengajian yang dijalankan. Terdapat sebahagian informan membawakan kisah-kisah sejarah hidup perawi al-A’la dan mengenengahkan peranan perawi al-A’la dalam periwayatan hadith. Dapat dirumuskan dalam analisis terhadap kelima-lima informan terhadap huraian perawi al-A’la ini menunjukkan bahawa kesemua informan amat bersetuju, menjelaskan biografi perawi al-A’la dalam pengajian hadith merupakan salah satu elemen penting. Ini kerana berdasarkan kepada temu bual dan pemerhatian, menunjukkan sejarah kehidupan, peranan perawi al-A’ la telah dihuraikan bagi menarik para pendengar sesi pengajian hadith yang dijalankan.

iii. Analisa Kaedah Syarah Ilal dalam Sanad Hadith

Ilal al-Hadith merupakan ilmu yang membincangkan hadith-hadith yang disifatkan cacat yang merosakkan sesebuah hadith (Ibn Salah, 1986). Syarah dan huraian kepada *Ilal* bagi sanad dalam hadith turut menjadi satu keutamaan dalam syarah hadith. Ini kerana, dengan mengetahui *ilal sanad*, pengetahuan secara tidak langsung mengenai status dan martabat sesebuah hadith dapat diketahui. Melalui aspek huraian *ilal* kepada sanad hadith pula kajian mendapati keseluruhan informan tidak menggunakannya. Oleh yang demikian, kajian dapat merumuskan bahawa dalam metode syarah kepada sanad hadith yang digunakan oleh kelima-lima informan menunjukkan penggunaan huraian kepada sanad hadith masih di peringkat asas. Secara umumnya, semua informan dalam kajian yang dilakukan ini telah mengaplikasikan syarah sanad hadith, namun hanya tertumpu kepada perawi al-A’la sahaja. Walau bagaimanapun terdapat seorang tenaga pengajar telah menggunakan syarah kepada *ilal al-hadith* serta menyentuh *jarh* dan *ta’dil* terhadap perawi dalam sanad hadith yang telah dibawa.

6.1.2 Metode Syarah Hadith Melalui Matan Hadith

Matan merujuk kepada teks hadith yang datang selepas sanad (al-Ghouri, 2015). Matan merupakan teks yang menceritakan pelbagai maklumat yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan terutamanya menjelaskan aspek agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Di samping itu, kaedah penyampaian matan dalam pengajian hadith menjadi aspek yang dititikberatkan dan mempunyai kaedah tertentu dalam penyampaiannya. Walaupun para ulama hadith telah menyusun beberapa metode syarah matan hadith secara khusus. Dalam kajian

ini penumpuan adalah terhadap penggunaan aspek bahasa. Ini kerana dalam kajian yang dilakukan, mendapati metode syarah hadith tidak diikat dengan metode tertentu.

i. Analisis Metode Penggunaan Bahasa dalam Syarah Matan Hadith

Melalui metode syarah matan hadith, kajian mendapati beberapa informan telah menjelaskan beberapa kaedah syarah yang dilakukan. Secara keseluruhan menunjukkan bahawa keenam-enam informan bersetuju menggunakan dwi bahasa iaitu huraian dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Berikut adalah maklum balas daripada informan yang terlibat dari kajian ini;

1. Informan memberikan penjelasan bahawa kaedah penggunaan bahasa adalah tertakluk kepada kitab rujukan yang telah digunakan. Menurut beliau, bacaan adalah mengikut kepada apa yang tertulis dalam kitab ini. Menurut beliau; "...kaedah yang saya gunakan ialah dengan membacakan hadith yang telah disaring oleh syeikh... (pengarang) dalam kitabnya, saya akan ikut apa yang ditulis...". Manakala melalui tinjauan yang telah dilakukan pula, kajian mendapati dalam sesi pengajian yang dijalankan informan ini turut menggunakan metode penggunaan bahasa Arab dan Melayu, dalam usaha memberi penerangan matan yang telah dibawa. (Informan 1)
2. Begitu juga bagi tenaga pengajar yang kedua pula, temu bual mendapati, metode syarah yang dinyatakan adalah dengan bacaan matan hadith yang terdapat dalam bahasa Arab dan informan menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu mengikut terjemahan yang terdapat dalam kitab yang digunakan. Menurut beliau: "Setelah mukadimah pengajian saya selesai... Kemudian saya terus pergi kepada hadith, pertama saya akan terjemahkan dulu..." Melalui tinjauan pengajian yang dijalankan informan menunjukkan informan turut menterjemahkan hadith mengikut terjemahan sendiri yang bertepatan dengan makna dalam bahasa Arab. Ia tidak tertakluk kepada terjemahan yang terdapat di dalam kitab semata-mata. (Informan 2)
3. Menurut informan, beliau tidak menyatakan kaedah yang spesifik yang digunakan dalam menyatakan matan hadith di dalam pengajiannya. Beliau hanya memberikan kenyataan secara umum berkaitan kaedah yang digunakannya berdasarkan pernyataan seperti berikut: "...jadi cara yang saya guna...saya guna semua cara dalam menyampaikan syarah hadith, tidak terikat dengan satu pendapat..." Kenyataan ini dilihat bertepatan dengan tinjauan pengajian yang dibawa oleh beliau. Informan yang juga responden, didapati menggunakan teknik yang pelbagai. Sebagai contoh informan menjelaskan beberapa maksud hadith bersesuaian dengan dialek yang digunakan oleh masyarakat setempat. (Informan 3)
4. Tenaga pengajar ini menyatakan metode syarah yang dilakukan adalah dengan menyatakan matan dalam Bahasa Arab dan menjelaskan di dalam bahasa Melayu berdasarkan pernyataan berikut: "...saya akan mulakan dengan membacakan matan hadith terlebih dahulu...lepas tu saya akan bacakan terjemahan hadith tu...". Manakala melalui tinjauan mendapati kaedah yang digunakan di dalam pengajian hadith yang dijalankan melibatkan dua kaedah. Kaedah tersebut melibatkan kaedah menyebut matan dalam Bahasa Arab dan menyatakan terjemahan dalam Bahasa Melayu. Kedua-dua kaedah tersebut digunakan pada hadith tersebut. (Informan 4)
5. Berdasarkan sesi temubual yang dijalankan mendapati tiada tertentu yang disebutkan di dalam sesi temubual yang dijalankan. Melalui temubual tersebut tenaga pengajar hanya menyentuh kaedah pengajian yang digunakan bagi menarik minat pendengar sahaja melalui kenyataan beliau seperti berikut: "...dalam soal penyampaian ni...kita...dalam kuliah ni kena lihat situasi...siapa yang mendengar...sebab kita nak kuasai pendengar ni kena pandai lah...kalau situasi orang muda kita buat cara orang muda...kalau org lama kita buat cara org lama...jadi semuanya itu memainkan peranan untuk menarik minat pendengar mendengar ceramah kita..." Berdasarkan pernyataan berikut, kaedah menyatakan matan tidak dijelaskan di dalam temu bual yang dijalankan. Namun kenyataan informan dilihat bercanggah dalam pengajian hadith yang dijalankan oleh beliau. Dalam tinjauan yang dilakukan informan menggunakan kaedah yang menyatakan matan dalam Bahasa Arab dan menyatakan juga terjemahan hadith tersebut ke dalam Bahasa Melayu. (Informan 5)

Dari keseluruhan jawapan dan maklumbalas yang diberikan oleh kelima-lima informan, menunjukkan kepelbagaian bentuk syarah hadith dari aspek bahasa memainkan peranan yang penting. Keseluruhan informan berusaha memberikan kefahaman kepada pendengar dalam pengajian hadith yang dijalankan berdasarkan kemampuan pemahaman mereka yang mengikuti sesi pengajian yang dijalankan.

ii. Analisa Metode Syarah terhadap Istilah-Istilah Khusus Dalam Matan Hadith

Penggunaan istilah khusus dalam matan hadith dalam kajian ini merujuk kepada lafaz-lafaz tertentu yang jarang digunakan. Ia turut dikenali sebagai *Alfaz al-Gharib Fi al-Hadith* ataupun dikenali *Kalimah al-Muhimmah*. Secara keseluruhan kelima-lima informan turut bersetuju dengan dalam mensyarah istilah khusus dalam matan hadith. Ini kerana ia merupakan sebagai salah satu kata kunci bagi hadith yang dijelaskan. Kajian memilih beberapa temubual yang dilakukan yang menunjukkan secara keseluruhan sangat bersetuju metode ini:

1. "...jika kita teliti betul-betul istilah khusus dalam hadith bukan semua... tapi bila dia ada sahaja memang perlu kita jelaskan kepada jemaah, sebab kadang-kadang inilah tujuan matan hadith tersebut dibacakan..." (Informan 2).
2. "...memang kena jelaskan, kalau tak memang tak sampai maksud dalam hadith..." (Informan 3).
3. "jemaah ada yang bawa kitab, ada yang tak bawa... jemaah ni ada yang boleh ingat terus apa yang kita bawa... lagi moden depa boleh cari bahan tu balik dalam aplikasi handphone... so kena jelas dengan tepat..." (Informan 4):

4. “...istilah ni memang dilakukan oleh ulama, dalam kitab syarah hadith pun kita boleh tengok, ulama terangkan secara detail, so tak boleh tidak memang kita pun kena kupas bagi jemaah faham...” (Informan 5)

Keseluruhan informan bersetuju dengan huraian terhadap perkataan-perkataan penting dalam matan hadith. Melalui tinjauan yang dilakukan terdapat di kalangan informan yang menghuraikan secara terperinci beberapa kalimah yang terdapat dalam matan hadith. Manakala terdapat sebahagian informan yang hanya menterjemah dan menjelaskan maksud dalam bahasa Melayu sahaja.

6.1.3 Analisa Metode Syarah Terhadap Status Hukum Hadith

Analisis menunjukkan sedikit perbezaan pandangan informan mengenai status hukum bagi hadith yang disyarahkan. Tiga daripada informan bersetuju dengan huraian status hukum hadith manakala dua daripada mereka tidak bersetuju menjelaskan hadith tersebut dijelaskan darjat dan martabat kedudukan hadith yang dibawa.

1. *Kaedah yang saya gunakan bacakan hadith yang telah disaring oleh syeikh nuruddin dalam kitabnya...kemudian dihuraikan... dan hadith bercampur dengan pelbagai status... saya pegang pendapat jumbuh muhaditin yang mengharuskan penggunaan hadith dhaif dalam perkara fadha'il a'mal dengan beberapa syarat, yang pertama tidak terlalu dhaif yang kedua menggunakan sirah tamridh yang ketiga hadith tersebut tidak bertentangan dengan hukum syariat...” (Informan 1).*
2. *“...Kitab yang saya gunakan, Jami'ul Ulum wa al-Hikam...yang dikarang oleh Ibn Rajab...tapi Ibn Rajab ni pun dia punya syarah mendalam juga... Dlm fikah, dia hurai mendalam, dalam hadith pun dia hurai mendalam, juga termasuk sanad-sanad yang ada dalam tu, kalau hadith tu dhaif sekali pun saya akan cuba jugak huraikan apa maksudnya, biasanya orang kalau dhaif terus skip, tapi kita hurai juga biar orang faham dan kita bagi tahu juga kalau boleh dipakai dalam fadhail a'mal, sama ada ianya boleh dipakai atau tak...” (Informan 2)*
3. *“...Saya akan mulakan dengan membacakan matan hadith terlebih dahulu...selepas tu saya akan bacakan terjemahan hadith tu...kemudian saya jelaskan status hadith tu...” (Informan 4).*

Melalui tinjauan pengajian hadith yang dijalankan kajian mendapati tiga daripada informan tidak menggunakan metode syarah status hukum bagi hadith. Namun dua informan menggunakan metode syarah ini.

1. *Status kedudukan hadith ini tak perlu kita huraikan ini kerana, masyarakat kita akan keliru jika dijelaskan perkara yang mereka tak belajar dan mendalami. Kita kkuatir ia memberi kesan salah faham pada masyarakat. (Informan 3).*
2. *Status hadith ini lebih baik kita huraikan yang betul-betul bermanfaat. Dah jelas hadith itu hadith nabi, kalau ada yang lemah pun kita pun tahu ianya adalah khilafulama'. (Informan 5)*

Secara keseluruhan terdapat percanggahan dalam huraian terhadap status hadis yang dibawa. Tiga (3) informan amat bersetuju dengan penjelasan status dan kedudukan hadith yang dibawa. Manakala terdapat dua (2) informan yang tidak bersetuju dengan penjelasan terhadap kedudukan hadith yang dibentangkan dalam sesi pengajian. Berdasarkan dua kenyataan informan yang kurang bersetuju, memberikan jawapan berlakunya khilaf dalam pandangan ulama terhadap hadis dan kekuatiran terhadap tahap pemahaman jemaah masjid yang mengikuti pengajian hadis yang dijalankan.

6.1.4 Analisa Metode Syarah Terhadap Sumber Rujukan Bagi Hadith

Salah satu metode dalam syarah hadith yang dilihat penting ialah dengan menyatakan sumber rujukan kepada hadith yang dibawa dalam sesi pengajaran dalam hadith. Dalam mendapatkan maklumat mengenai sumber rujukan, semua informan telah bersetuju terhadap kepentingan dalam menyatakan sumber rujukan bagi hadith ini. Antara temu bual yang telah direkodkan ialah:

1. *“...Kiranya ustaz akan buat catatan terlebih dahulu pasal hadith tu, lepas tu kaitkan dengan kitab-kitab hadith yang lain contohnya sahih al-Bukhari dan Sunan Tirmizi, Sunan Abu Daud dan mana-mana kitab hadith yang dipelajari secara bersanad...” (Informan 1)*
2. *“...kitab yang digunakan ini, dah jelaskan hadith ni dari sumber mana, jadi kita terangkan juga, kadang kala yang saya tahu lebih dalam saya akan jelaskan, mengikut kepada kepentingan hadith tersebut, kalau sudah dengan bukhari dan muslim, takperlu lagi bagitau yang lain...” (Informan 2).*
3. *“... sumber hadith ini, boleh dijelaskan, bahkan memang ada dah orang tanya tentang sumber hadith, so saya rasa memang patut, pengetahuan pendengar jemaah ni semakin berkembang...” (Informan 3)*
4. *“...kupasan kita kita kne ambil dari kitab-kitab muktabar yang lain, Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Abi Daud, Tarmizi dan lain-lain, nak mengajar ni bukan tertumpu kepada satu kitab,,tapi dengan cara ini menambahkan ilmu kepad kita...” (Informan 5)*

Dapat dirumuskan bahawa kesemua informan bersetuju menjelaskan sumber kitab hadith yang mana hadith tersebut dibincangkan. Ini menunjukkan kesemua informan memastikan hadith yang dibawa oleh mereka mempunyai sumber yang berautoriti.

■7.0 RUMUSAN

Dengan berpandukan kepada keseluruhan analisis dalam kajian. Ini memberikan gambaran awal mengenai kaedah *Syarah al-hadith* yang diamalkan oleh tenaga pengajar dalam pengajian hadith di daerah al-Muallim Negeri Perak. Dapat dirumuskan beberapa perkara dalam kaedah huraian hadith yang diamalkan oleh tenaga pengajar kepada beberapa bahagian iaitu;

- i. Aspek Sanad Hadith dan Perawi *al-A'la*.
Melalui kajian yang dijalankan syarah hadith dari aspek sanad hadith kajian mendapati huraian dan syarah secara terperinci ini tidak digunakan. Ini kerana mencapai tujuan pengajian hadith bukanlah tertumpu kepada perawi-perawi hadith, tetapi ia terfokus kepada isi dan kandungan hadith tersebut. Manakala dari aspek syarah perawi *al-A'la* pula, kebanyakan informan masih menghuraikan perawi *al-A'la*, iaitu sahabat RA.
- ii. Aspek Matan Hadith dan Istilah dalam Matan.
Dari aspek matan hadith pula, kajian mendapati penggunaan terjemahan ke dalam bahasa Melayu merupakan satu kemestian yang digunakan oleh tenaga pengajar, ini kerana masyarakat yang mengikuti pengajian ini merupakan masyarakat setempat yang tidak terdedah kepada penggunaan bahasa lain melainkan bahasa ibunda iaitu bahasa Arab. Manakalah dari aspek istilah dalam matan pula, kajian mendapati tenaga pengajar amat menitik beratkan beberapa istilah penting yang menjadi kunci untuk memahami hadith yang dibincangkan.
- iii. Aspek Hukum dan Sumber hadith.
Dari aspek hukum dan sumber pula, kajian ini menunjukkan semua informan amat menitik beratkan aspek status hadith yang dibincangkan. Begitu juga dengan sumber hadith, namun melalui temubual, kajian mendapati kebanyakan informan hanya menjelaskan apa yang terdapat di dalam kitab yang dibawa dalam pengajian yang dijalankan. Faktor latar belakang pengajian informan merupakan faktor penting dalam aspek ini.

Kajian ini merumuskan bahawa, metode atau kaedah syarah hadith yang digunakan merupakan metode yang tidak digunakan secara mendalam dan tidak terperinci. Beberapa faktor penyebab dapat diberikan seperti pengajian hadith di institusi masjid merupakan pengajian non formal, ia melibatkan kepada semua peringkat umur yang mengikuti pengajian ini, oleh yang demikian kaedah pengajaran menjadi terhad dan pelbagai. Begitu juga faktor latar belakang tenaga pengajar yang berbeza menjadikan kaedah *syarah al-hadith* yang digunakan sepenuhnya. Manakala faktor pengajian hadith juga tidak hanya menumpukan pada teks hadith malah tenaga pengajar juga banyak mengaitkan hadith yang dipelajari dengan isu semasa. Ada juga tenaga pengajar yang mengaitkan hadith tersebut dengan ilmu-ilmu lain seperti fikah, tawasuf dan adab. Teknik pengajaran yang tidak sekata ini bergantung pada persediaan setiap tenaga pengajar sebelum memulakan pengajian mereka. Adalah diharapkan hasil kajian ini dapat dimanfaatkan, terutama oleh badan bertanggungjawab dalam penyusunan silibus pengajian keagamaan seperti JAKIM dan institusi keagamaan Islam negeri-negeri di dalam negara yang terlibat dan semua pihak pengurusan masjid serta semua guru atau tenaga pengajar agar pengajian kitab hadith akan dapat dijalankan dengan lebih baik dan mampu menarik minat masyarakat untuk mempelajari hadith dalam kerangka untuk menghidupkan dan memartabatkan al-Sunnah di dalam kehidupan umat Islam.

Rujukan

- Abdul Halid b. Sinto. (2010). Ucapan sempena Ijtimak' Sanawi Guru Takmir Peringkat Negeri Perak. Auditorium Kolej Islam Darul Ridzuan, Perak.
- Al-Dhahabi, Shamsuddin A.M. (1985). *Siyar al-A'lam al-Nubala'*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Sam'ani. Abu Sa'id Abdul Karim bin Muhammad. (1981). *Adab al-Imla' wa al-Istimla'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Bahagian Kesuma. (2007). *Kurikulum Kelas Pengajian Takmir Masjid dan Surau*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Bassam Khalil Safdi. (2015). *Ilmu Syarah Hadith: Dirasah Ta'siliyah Manhajiyah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Palestin: Universiti Islam Ghaza.
- Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2009). *Persepsi Pendengar Kelas Agama Terhadap Pengajian Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat*. Jurnal Usuluddin. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ibn Salah. Uthman bin Abdul Rahman. (1986). *Muqaddimah Ibn Salah*. Tahqiq Nuruddin Atar. Syria: Dar Fikr.
- Mohd Norzi bin Nasir, Mohd Khafidz bin Soroni, Rosni binti Wazir, Mohd Fairuz A. Adi, Nor Asyikin binti Hasan Adali (2016). *Kitab-Kitab Hadith Dalam Pengajian Di Masjid-Masjid Selangor: Kajian Tinjauan*. E-Proceeding 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2016 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2010). *Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Masjid*. Kertas Kerja Seminar Pengajaran Pembelajaran Berasaskan Masjid 2010 (SKPPBM 2010), 18-19 Feb. 2010, Masjid Negeri Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Shah Alam.
- Muhammad Fairuz A. Adi, Mohd Khafidz Soroni, Rosni Wazir, Mohd Norzi Nasir, Nor Asyikin Hasan Adali (2016) *Kaedah Pengajaran Tenaga Pengajar Hadith Di Masjid-Masjid Negeri Selangor*. E-Proceeding of the 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2016 (e-ISBN 978-967-0850-45-0). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Muhammad Faizd, Fauzi Deraman. (2014). *Pengajian Hadith Di Institusi Formal & Non Formal Di Malaysia*. Jurnal Hadith. Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).
- Sakinah Saptu, Wan Nashrudin, Latif Abd Majid, Ahmad Asmadi Sakat. (2015). Aplikasi Sanad Dalam Pengajian Islam Pada Masa Kini. Jurnal Revelensi. Bangi; Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Abdul Majid Al Ghori, (2015), *Pengenalan Ilmu Musthalah al-Hadith* diterjemah oleh Muhammad Hazim Bin Hussin, Darul Syakir Interprise, Bandar Baru Bangi, Selangor.
- Tash Zadah Kubra. (1985). *Miftah al-Sa'adah wa Misbah al-Ziyadah*. Beirut. Dar Kutub al-Ilmiyyah.
- Zirkili, Khayr al-Din. (1986) *al-A'lam Qamus tarajim li Ashyur al-Rijal wa al-Nisa' wa al-Musta'rabin wa al-Mustashrikin*. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. <http://masjid.islam.gov.my/index.php?data=c3RhdGlzdGlrLnBocA==>. (2018). *Statistik Masjid Dan Surau Berdaftar dengan JAKIM*. Portal Rasmi Masjid Malaysia. Akses data pada tarikh 17/1/2018.